

01/08/2000

Firma dipelawa majukan tekstil

PUTRAJAYA, Isnin - Bangladesh mahu Malaysia mengalihkan industri berintensifkan buruh ke Dhaka dengan menggunakan kepakaran sektor swasta tempatan bagi memajukan lagi industri tekstil negara itu.

Perkara ini dinyatakan oleh Perdana Menteri Bangladesh, Sheikh Hasina Wajid dalam pertemuan dua hala dengan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang diikuti mesyuarat delegasi antara dua negara di sini petang ini.

Bercakap pada sidang akhbar selepas pertemuan itu, Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata cadangan itu akan dibincangkan dengan lebih lanjut terutama membabitkan sektor swasta kedua-dua negara.

"Mereka minta industri yang menggunakan tenaga buruh yang banyak di sini yang kita sudah tidak perlukan lagi, yang kita memikirkan bahawa lebih baik dialihkan ke negara lain, supaya ditempatkan di Bangladesh seperti industri kecil-kecilan membuat pakaian," katanya.

Malaysia melalui Koridor Raya Multimedia Corporation juga mahu membantu Bangladesh membangunkan pelabuhan Chittagong yang akan dijadikan pusat teknologi.

Katanya, perbincangan lanjut mengenai hasrat itu akan diadakan apabila Sheikh Hasina mengadakan kunjungan ke Cyberjaya esok supaya mereka dapat mengetahui keperluan seterusnya.

Beliau berkata, Bangladesh juga melahirkan harapan supaya lebih ramai pelabur Malaysia melabur di negara itu.

"Kita mengenal pasti beberapa bidang di mana pelabur Malaysia sudahpun terbabit seperti dalam bidang telekomunikasi. Kita mahu mempertingkatkan lagi pelaburan dalam bidang pengeluaran gas dan tenaga.

Perbincangan dua hala itu menumpukan kepada bidang perdagangan dan pelaburan selain kedudukan pekerja Bangladesh di negara ini.

Beliau berkata, Sheikh Hasina turut menyatakan minatnya untuk menjadikan Malaysia sebagai contoh bagi membangunkan Bangladesh kerana beliau kagum dengan kemajuan yang dicapai di negara ini.

"Malaysia akan membuka bukunya untuk menunjukkan contoh dan pengalaman yang boleh dimanfaatkan oleh Bangladesh," katanya.

Sementara itu, Dr Mahathir dalam ucapannya di jamuan malam bagi meraikan Sheikh Hasina dan rombongan di Seri Perdana malam ini berharap sektor swasta dari Bangladesh lebih agresif dalam usaha menarik rakan kongsi berpotensi dari Malaysia untuk mewujudkan usaha sama perniagaan dalam pelbagai bidang.

Perdana Menteri berkata, berikutan ekonomi negara yang semakin pulih, beliau juga mengharapkan supaya lebih banyak syarikat tempatan melabur di luar negara termasuk di Bangladesh.

Malah katanya, Malaysia kini disenaraikan oleh Lembaga Pelaburan Bangladesh sebagai pelabur asing ketiga terbesar di negara itu dengan jumlah pelaburan AS\$1.32 bilion (RM5 bilion), selepas Amerika Syarikat dan United Kingdom.

Beliau berkata, kehadiran pelabur Malaysia itu menggambarkan keyakinan mereka terhadap ekonomi Bangladesh berikutan kejayaan dasar ekonomi kerajaan pimpinan Sheikh Hasina.

Dr Mahathir berkata, Malaysia juga mengalu-alukan komitmen kerajaan pimpinan Sheikh Hasina untuk mewujudkan dasar ekonomi terbuka dengan meletakkan sektor swasta mengetuai usaha itu bagi pembangunan serta pertumbuhan ekonomi.

Katanya, langkah menggerak serta memperkukuhkan fungsi sektor swasta

dalam industri dan perdagangan, akan pasti menyumbang ke arah menggerakkan pertumbuhan ekonomi Bangladesh.

Beliau berkata, amat penting persekitaran mesra-perniagaan diwujudkan di Bangladesh untuk menarik pelabur asing.

(END)